

14 NOV 1998

APEC-BERITA-RUSSIA/I

GABENOR RUSSIA KUNJUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerima kunjungan hormat Gabenor Wilayah Khabarovsk Russia, Victor Ishaev, di pejabatnya hari ini.

Ishaev diiringi penasihatnya Vladimir V.Kuchuk, Ketua Jabatan Sumber Galian Gennady Kondratov dan Pengarah Teknikal kilang kapalterbang Komsomolsk-on-Amur, Vyachelaslav Shport.

Delegasi itu adalah sebahagian daripada rombongan Persekutuan Russia ke mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang diadakan di sini.

Perdana Menteri Russia Yevgeny Primakov akan menghadiri mesyuarat pemimpin-pemimpin Apec pada 17 dan 18 Nov ini.

Wilayah Khabarovsk yang terletak di tengah-tengah Timur Jauh adalah salah satu wilayah di Persekutuan Russia.

Russia adalah satu daripada tiga negara yang akan menganggotai Apec hari ini, menjadikan jumlah keanggotaannya kepada 21. Dua lagi anggota baru adalah Peru dan Vietnam.

-- BERNAMA

MHI JR MA